



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
TINGKAT 14B, MENARA PKNS-PJ,
NO. 17, JALAN YONG SHOOK LIN,
46050 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel. No. : 603-7968 7002
: 603-7968 7011
Fax. No. : 603-7956 9496
: 603-7954 9215
Website : www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA 07/ Jld.3 (2f)
Tarikh : 1 April 2010

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2010

PERUBAHAN ALIRAN PROSES PENILAIAN JAMINAN KUALITI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Pekeliling MQA Bil. 1/2010 mengenai borang permohonan dan fi perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 16 Mac 2010 yang berkuatkuasa pada 1 April 2010, MQA ingin memaklumkan perubahan dan prosedur baru dalam proses penilaian jaminan kualiti MQA.
3. Untuk makluman tuan, berdasarkan prosedur baru ini, pemberi pendidikan tinggi (PPT) perlu memohon Akreditasi Sementara sebelum membuat permohonan kelulusan mengendalikan program daripada KPT. Program yang telah dinilai dan didapati memenuhi keperluan kualiti akan diberi surat Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti (*Certification of Quality Compliance, CQC*). CQC adalah merupakan perakuan MQA bahawa sesuatu program itu telah memenuhi keperluan kualiti untuk dipertimbangkan kelulusan pengendaliannya oleh KPT.
4. Sehubungan dengan itu, CQC yang diperolehi perlu dikemukakan oleh PPT kepada KPT sebagai salah-satu dokumen sokongan untuk mendapatkan kelulusan pengendalian sesuatu program. Setelah memperoleh kelulusan, PPT boleh mendapatkan surat Perakuan Akreditasi Sementara daripada MQA.
5. Surat Perakuan Akreditasi Sementara hanya akan dikeluarkan apabila PPT mengemukakan bukti program tersebut telah diluluskan oleh KPT dan telah mula dikendalikan serta memenuhi syarat-syarat CQC yang berkaitan.


(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

6. Aliran proses baru jaminan kualiti MQA adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala, proses permohonan Akreditasi Sementara sehingga pengeluaran surat Perakuan Akreditasi Sementara pula diperincikan dalam carta alir seperti di **Lampiran B**. Untuk makluman juga, proses ini hanya melibatkan program baru yang memohon Akreditasi Sementara bermula 1 April 2010.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044
No. Faks : 03-79569496
E-mel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.

1. YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA
2. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 6, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA

3. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA

4. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
Aras 12, Heritage Office Tower
Jalan SB Dagang
43300 Sri Kembangan
SELANGOR

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah,
Wisma Chase Perdana,
Off Jalan Semantan,
Damansara Heights,
50490 KUALA LUMPUR